

17/05/2001

MDC akan perkenal tiga lagi aplikasi perdana

Hizral Tazzif Hisham

MULTIMEDIA Development Corp Sdn Bhd (MDC) mengenal pasti tiga lagi aplikasi perdana yang akan diperkenalkan tidak lama lagi.

Aplikasi baru itu ialah bioteknologi dan biometriks, inkubator serta pangkalan data peluang pekerjaan dan jumlah tenaga kerja.

Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata tiga aplikasi perdana yang dicadangkan itu dapat memenuhi keperluan gelombang kedua Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Projek aplikasi perdana baru itu dapat mengukuhkan lagi MSC sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan multimedia terulung di rantau ini," katanya di Cyberjaya, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang menyatakan projek aplikasi perdana baru bagi fasa kedua Koridor Raya Multimedia (MSC) bakal memantapkan kewibawaan MSC.

"Kita dijangka mengenal pasti projek aplikasi perdana baru itu tidak lama lagi dan bersamanya akan wujud peluang syarikat antarabangsa turut sama dalam MSC," katanya dalam sesi dialog pada Forum Perniagaan Malaysia-India, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, MSC kini berjalan lancar dengan sebahagian besar projek perdana dalam fasa pertamanya sudah bermula manakala beberapa lagi yang lain dalam proses penilaian.

Aplikasi perdana pertama termasuk kerajaan elektronik, kad pintar pelbagai guna, teleperubatan, pemasaran tanpa sempadan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan web pembuatan sedunia.

Beliau berkata, projek inkubator akan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi awam yang ada di seluruh negara bagi menjadi pemangkin terhadap pelaksanaan projek MSC di seluruh negara.

"Projek inkubator Universiti Cambridge misalnya, berjaya mewujudkan Taman Teknologi Cambridge yang menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan pelbagai inovasi serta pengkomersilan produk baru ke pasaran," katanya.

Othman Yeop berkata, syarikat ICT tempatan kini perlu melebarkan sayap perniagaan ke luar negara untuk mencari peluang memasarkan produk mereka kerana pasaran di negara ini adalah terhad.

"MDC akan membantu syarikat ICT tempatan yang bercadang menerokai pasaran luar negara menerusi mengurangkan kos operasi ketika mula-mula beroperasi di luar negara.

"Selain itu, penyertaan syarikat Malaysia ke pameran ICT antarabangsa akan lebih terancang yang mana MDC bercadang mempamerkan aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) seperti kerajaan elektronik dan kad pintar. Syarikat MSC yang menyertai projek berkenaan boleh menunjukkan produk mereka," katanya.

(END)